

Usaha tingkat hidupan laut

Oleh ABDUL NADDIN HJ SHAIDDIN

► UMS adakan CSR Tukun Tiruan bersama Setegap Ventures Petroleum



KELIHATAN peserta membuang tukun tiruan di Pulau Sepanggar.

UB 19.11.2017 A14
KOTA KINABALU: Jabatan Hal Ehwal Pelajar, Universiti Malaysia Sabah berkerjasama dengan Setegap Ventures Petroleum

dalam program CSR Tukun Tiruan di Pulau Sepanggar, di sini pada Sabtu.

Sebelum ini UMS membuat 20 buah tukun tiruan di

bawah projek Enactus pada awal tahun ini. Pada kali ini Setegap Ventures Petroleum telah memberi CSR 10 buah tukun tiruan.

Program tukun tiruan merupakan salah satu program tanggungjawab sosial korporat Syarikat Setegap Ventures Petroleum.

Program ini dijalankan bagi meningkatkan kadar hidupan laut di sekitar kawasan Pulau Sepanggar bagi meningkatkan sumber ekonomi masyarakat terutama nelayan-nelayan kecil.

Selain itu juga ia bagi meningkatkan sumber hasil pendapatan melalui aktiviti perikanan.

Menurut Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Prof Dr Ismail Ali, pembuatan tukun tiruan ini dapat meningkatkan ekonomi penduduk.

Ia juga membantu dari segi kelestarian hidupan laut di kawasan Pulau Sepanggar.

Tukun tiruan yang dibina



(Gambar atas) **BERSIAP** sedia untuk membuang tukun tiruan di Pulau Sepanggar.

(Gambar kanan) **COO** Petroleum turut bersama-sama menyiapkan tukun.

adalah dengan kepakaran pelajar Enactus UMS yang baru sahaja mewakili Malaysia ke World Cup Enactus di London pada September lalu.

Dengan program ini dapat memberi peluang kepada mereka untuk terus mencipta inovasi bagi membantu masyarakat setempat dari segi kepakaran marin.

Manakala menurut COO Setegap Ventures Petroleum, beliau amat berharap program ini dapat diteruskan lagi pada tahun hadapan dan jumlah tukun ini dapat ditambah setiap program CSR yang akan kami jalankan nanti.

Kami di petroleum sangat berpuas hati dan gembira dengan pihak UMS atas bantuan dalam kelancaran program kami ini.

Program ini dirasmikan



oleh Mohd Zulhaizan bin Md Noor, COO Setegap Ventures Petroleum. Turut serta dalam

program ini Dr Mosli Tarsat, Enactus TEAM dan Faculty Advisor Enactus UMS.



DANIAL, Dr Mosli bersama Enactus UMDS.